



Agong terima menghadap PM, persembah isu semasa negara

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Istana Bukit Tunku, Kuala Lumpur, semalam. Menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim, pada pertemuan itu, Seri Paduka dipersembahkan taklimat mengenai perkembangan semasa berkaitan hal ehwal negara. Seri Paduka Baginda turut dipersembahkan perkara berkaitan pentadbiran dan kesejahteraan rakyat, menurut hantaran itu.

(Foto FB Anwar Ibrahim)